



جامعة السلطان الشريف علي الإسلامية
UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI
SULTAN SHARIF ALI ISLAMIC UNIVERSITY

Fakulti Syariah dan Undang-Undang Semester II, Sesi Akademik 2018/2019

Kertas Soalan Peperiksaan

Kod Kursus : SP 5304

Nama Kursus : Undang-Undang Keterangan Islam

Level Kursus : Diploma Lepas Ijazah

Masa : 3 jam

Rujukan Dibenarkan

Perintah Keterangan Mahkamah Syariah, 2001

Nota:

Jawab **empat (4)** soalan saja

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

SOALAN 1 (12.5 Markah)

- a) Para ulama telah memberikan definisi ikrar dengan pelbagai pendekatan. Jelaskan.
(3 markah)
- b) Berikan dalil-dalil pensyariatan diterimanya ikrar sebagai salah satu cara pembuktian dalam Undang-Undang Keterangan Islam.
(2.5 markah)
- c) Bagaimanakah cara berikrar menurut Undang-Undang Keterangan Islam?
(2.5 markah)
- d) Berapakah bilangan ikrar dalam kes zina, mencuri dan minum arak?
(2.5 markah)
- e) Dan apakah kesan ikrar?
(2 markah)

SOALAN 2 (12.5 Markah)

Antara syarat-syarat *syahid* adalah tidak adanya tohmah dalam *shahadah* yang diberikannya di dalam mahkamah. Tohmah di sini bermakna keraguan atas seseorang kerana hubungan baik atau mempunyai kepentingan dengan pihak yang berkaitan. Jelaskan perkara ini di dalam fekah dan undang-undang.

SOALAN 3 (12.5 Markah)

1. Ulama mazhab telah berselisih pendapat sama ada seorang hakim boleh menggunakan pengetahuan dan maklumat yang diperolehinya di luar mahkamah kerana sifatnya sebagai manusia biasa. Huraikan.
(7.5 markah)

2. Ulama mazhab bersepakat secara keseluruhannya bahawa adalah harus bagi seorang hakim menghukum berdasarkan pengetahuan dan maklumat yang diperolehinya di dalam atau semasa perbicaraan. Mengapa?

(5 markah)

SOALAN 4 (12.5 Markah)

Dalam satu kes Yang Arif Kadi memutuskan “Setelah Y.K.T melafazkan sumpah Syarie maka Mahkamah membuat kesimpulan: Mahkamah tolak permohonan pihak yang menuntut.” Sila ulas kes ini dengan memberikan fakta-faktanya di samping perbincangan mengenai jenis sumpah atau *al-yamin* dalam Undang-Undang Keterangan Islam dan Perintah Keterangan di Mahkamah Syariah.

SOALAN 5 (12.5 Markah)

Jelaskan permasalahan Undang-Undang Keterangan Islam berikut:

1. Kedudukan ikrar dalam Perintah Keterangan Mahkamah Syariah 2001.

(4.5 Markah)

2. Pendapat ulama tentang *qarinah* sebagai salah satu cara pembuktian di mahkamah.

(4 markah)

3. Kesaksian seseorang atas catatannya sendiri.

(4 markah)

بالتوفيق والنجاح